

UNSUR SUPERNATURAL DALAM CERITA TRADISIONAL WAYANG KULIT MASYARAKAT MELAYU KELANTAN

Wan Nor Jazmina Wan Ariffin & Ramle Abdullah

Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

wannorjazmina@gmail.com

Abstrak

Kepercayaan masyarakat Melayu tradisional banyak bersandarkan kepada elemen kuasa supernatural yang mana kuasa ini mengawal dan menguasai alam sekeliling (Winstedt 1981). Mengikut sejarah, masyarakat Melayu melalui beberapa fasa perubahan yang mempengaruhi sistem kepercayaan mereka bermula dengan kepercayaan Animisme, Buddhisme, Hinduisme dan Islam. Mohd Taib Osman (1981) menggariskan beberapa bentuk kepercayaan dalam kalangan masyarakat Melayu yang terdiri daripada kepercayaan kepada Allah dan Rasulullah SAW, kitab al-Quran, elemen-elemen magis dan kuasa supernatural. Kepercayaan ini dimanifestasikan secara jelas dalam beberapa persembahan kesenian kebudayaan termasuklah wayang kulit yang terkenal di negeri Kelantan. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan perincian mengenai kepercayaan terhadap wujudnya kuasa supernatural melalui cerita-cerita tradisional yang dipersembahkan dalam wayang kulit Kelantan. Dalam sasaran ini, penyelidik menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian ikut serta, analisis dokumen. Kajian yang dijalankan di Pasir Mas Kelantan mendapati masyarakat Melayu mempunyai persepsi yang tersendiri mengenai elemen supernatural dalam kehidupan seharian mereka khususnya dalam persembahan wayang kulit. Kepercayaan dan pengenalan tentang elemen tersebut dalam pemikiran masyarakat Melayu seperti roh orang mati, hantu, dewa dan semangat jin terpancar dalam cerita-cerita tradisional wayang kulit. Ternyata, kepercayaan tentang kuasa supernatural masih wujud dalam pemikiran masyarakat Melayu dan boleh dilihat dalam aktiviti seni kebudayaan yang masih diadakan sehingga ke hari ini.

Kata Kunci: Kebudayaan Melayu, Kepercayaan, Melayu Tradisional, Supernatural, Wayang kulit.

1. PENGENALAN

Kebudayaan dan masyarakat memiliki perkaitan antara satu sama lain. Masyarakat hidup dengan budaya yang mereka sepakati bersama. Oleh itu, budaya akan mencerminkan siapa dan bagaimana masyarakatnya. Melalui budaya juga, pemikiran dan kepercayaan yang dipegang oleh sesebuah masyarakat boleh dikenal pasti. Pemikiran dan kepercayaan merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dan terbahagi kepada tiga iaitu pemikiran tentang diri, alam dan ketuhanan (Haron Daud 1996; Ezhar Tamam 2001). Ia amat berkait rapat dengan sejarah pertumbuhan dan perkembangan tamadun masyarakat Melayu yang telah menyaksikan pelbagai pengaruh luar yang meresap masuk ke dalam budaya masyarakat Melayu. Animisme, Hindu-Buddha dan agama Islam memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan budaya terutama dalam konteks kepercayaan masyarakat Melayu.

Tamadun Melayu yang bermula dalam bentuk animisme (Mohd Ghouse Nasuruddin 1993) telahpun berkembang menjadi sebuah zaman yang gemilang. Namun begitu, terdapat beberapa unsur animisme yang masih menjadi kepercayaan

segelintir masyarakat Melayu. Kepercayaan tentang adanya satu kuasa yang luar biasa ataupun lebih dikenali sebagai supernatural masih wujud dalam minda masyarakat Melayu dan telah dijelmakan dalam seni persembahan kebudayaan Melayu. Wayang kulit yang merupakan salah satu seni kebudayaan warisan juga memiliki unsur-unsur supernatural dalam persembahannya. Walaupun kini pementasan seni wayang kulit turut mengalami perubahan kesan daripada arus kemodenan, elemen tradisional pada penceritaan yang dibawa oleh Tok Dalang masih lagi dikekalkan dan diwarisi oleh generasi muda terutama yang bergiat dalam kesenian tradisional ini.

2. SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini mensasarkan cerita-cerita tradisional wayang kulit yang dipersembahkan di negeri Kelantan. Dalam proses mengumpul data, pengkaji telah mengikuti dua kumpulan wayang kulit yang bergiat aktif iaitu kumpulan Suara Emas dan kumpulan Sri Campuran. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, terdapat sebelas kumpulan wayang kulit yang berdaftar dengan Jabatan Kebudayaan Negeri Kelantan. Namun hanya dua kumpulan yang paling aktif mengadakan persembahan dipilih sebagai kumpulan utama dalam kajian ini. Kumpulan Suara Emas dari daerah Bachok diketuai oleh Nik Mat Ludin atau Pok Nik manakala kumpulan kedua adalah kumpulan Sri Campuran yang berasal dari daerah Pasir Mas yang diketuai oleh tok dalang berbangsa cina iaitu Eyo Hock Seng atau lebih dikenali sebagai Pak Cu oleh penduduk tempatan.

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang melibatkan tiga teknik utama iaitu pemerhatian ikut serta, temubual dan kajian dokumen. Dalam usaha mendekati sesuatu budaya memerlukan penyelidik berada dalam dunia masyarakat yang mengamalkan budaya tersebut. Pemerhatian ikut serta dan temubual melalui kerja lapangan adalah cara yang efektif bagi memperolehi maklumat deskriptif daripada responden menerusi penelitian, penilaian dan rumusan mengenai fenomena kajian (Wan Salihin Wong Abdullah & Mohd Shaladin Muda 2004). Oleh itu, kaedah kualitatif dilihat amat bertepatan dengan objektif kertas kerja yang dilakukan. Selain daripada pemerhatian ikut serta, teknik pemerhatian banyak digunakan oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan. Teknik pemerhatian mempunyai kelebihan yang tersendiri dari segi kemampuan untuk mendapat maklumat yang tepat. Melalui pemerhatian, maklumat yang diperolehi adalah daripada pengalaman terus yang dialami penyelidik serta mampu memperolehi maklumat-maklumat yang di luar jangkauan.

Pengkaji telah mengikuti beberapa persembahan wayang kulit yang dimainkan. Dalam setiap persembahan, perkara yang menjadi tumpuan adalah cerita yang disampaikan dalam persembahan tersebut. Pada peringkat awal pemerhatian, penyelidik akan membuat penilaian sendiri tentang apa yang dilihat. Setelah dijalankan temubual, barulah penilaian sebenar akan diperolehi.

Temubual merupakan salah satu kaedah utama dalam menjalankan penyelidikan berbentuk kualitatif. *A conversation with a purpose* atau temubual merupakan satu teknik penting bagi mengutip data kualitatif (Marohaini Yusuff 2004). Kaedah temubual dapat menghasilkan maklumat yang lebih tepat daripada maklumat yang didapati daripada kaedah-kaedah pengumpulan data yang lain (Rohana Yusuf 2004). Temubual dalam kajian ini tertumpu kepada individu penting dalam persembahan iaitu Tok Dalang serta beberapa individu lain yang berkait secara langsung atau tidak

langsung. Bagi kajian ini, maklumat daripada Tok Dalang adalah amat penting kerana Tok Dalang yang mengetahui dengan mendalam mengenai cerita yang disampaikan olehnya apabila melakukan persembahan lantas membantu penyelidik dalam menganalisis data kajian.

Metodologi ketiga yang digunakan ialah kajian dokumen. Kajian dokumen juga merupakan salah satu kaedah yang berfungsi untuk menambah maklumat dan menyokong dapatan data yang telah diperolehi sepanjang kajian dijalankan. Perbincangan mengenai isu-isu yang dicetuskan dalam kertas kerja ini banyak dibincangkan dalam kajian-kajian yang lepas. Oleh itu bahan-bahan seperti buku, artikel, tesis, laporan kajian dan jurnal telah dijadikan sebagai rujukan yang bagi menyokong dan mengukuhkan hasil kajian yang diperolehi.

3. WAYANG KULIT

Wayang kulit adalah satu hiburan luar yang telah diserap masuk ke dalam budaya Melayu. Menurut J.M Gullick (1987) terdapat dua kategori wayang yang dimainkan iaitu wayang Siam dan wayang Jawa. Wayang Siam dimainkan di Kelantan, Kedah dan sebahagian tempat di Terengganu. Manakala wayang Jawa lebih dimainkan di sebelah Barat Semenanjung. Pada asalnya wayang kulit bukanlah dipersembahkan sebagai hiburan tetapi lebih kepada unsur pemujaan dan perubatan. Namun kini Tok Dalang kebiasaannya dijemput untuk membuat persembahan bagi tujuan-tujuan tertentu yang bertujuan menghiburkan tetamu atau penonton. Sebagai contoh, dalam sesebuah majlis seperti perkahwinan dan keraian lain, penduduk kampung akan menjemput Tok Dalang untuk mengadakan persembahan wayang kulit.

Permainan wayang kulit mengalami perubahan bentuk dan juga isi setelah dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu. Cerita-cerita yang dimainkan oleh Tok Dalang adalah bersumberkan kepada epik Ramayana dan Mahabrata (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2006). Menelusuri sejarah wayang kulit akan membawa bersama sejarah perkembangan drama dan teater Melayu. Pada peringkat awal, drama Melayu mempunyai pertalian yang erat dengan perlakuan dan tatacara keagamaan yang bersifat spiritual (Said Halim Said Nong 1988). Pementasan drama atau teater Melayu ini bukan bertujuan memberi hiburan tetapi lebih kepada tujuan spiritual seperti untuk menenangkan roh-roh nenek moyang yang telah meninggal dunia. Ketika ini, kepercayaan terhadap wujudnya semangat pada setiap benda sehingga memerlukan kepada pemujaan masih menebal dalam diri masyarakat Melayu. Oleh sebab inilah, banyak upacara-upacara spiritual yang dipercayai perlu bagi menghubungkan antara dunia nyata dan alam ghaib yang dikenali sebagai upacara *magico ritual*.

Wayang kulit adalah salah satu budaya yang mempamerkan pengaruh Hindu yang menyerap pemikiran masyarakat Melayu sekitar kurun ke-4 Masihi. Ketika ini kesusasteraan dipenuhi dengan falsafah-falsafah sengsara, *moksha*, dewa-dewa dan dewi-dewi yang menyebabkan cerita-cerita yang terhasil dipenuhi unsur-unsur yang tidak munasabah dan tidak logik (Kamaluddin Ab Rahman 2007). Satu ketika dahulu wayang kulit dimainkan bagi memanggil atau berhubung dengan roh-roh yang telah mati. Ini dibuktikan amalan masyarakat Jawa yang memainkan persembahan wayang kulit bagi tujuan menghubungi roh nenek moyang melalui patung-patung kulitnya. Mereka mempersembahkan cerita wayang kulit sebagai satu percubaan atau usaha untuk memanggil roh-roh untuk mendapatkan bantuan. Begitu juga

dengan wayang kulit Murwakala yang digunakan untuk menghalau roh-roh yang mengganggu kanak-kanak yang lemah semangat (Said Halim Said Nong 1988). Lama-kelamaan secara perlahan-lahan ia menjadi kegemaran masyarakat Melayu dan akhirnya persembahan yang diadakan sebagai upacara ritual ini menjadi penggerak kepada kegiatan seni masyarakat Melayu.

4. UNSUR SUPERNATURAL DALAM KEPERCAYAAN MELAYU

Kepercayaan merupakan salah satu item kebudayaan yang amat penting dalam sesebuah institusi masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk kepercayaan dalam masyarakat Melayu yang telah berkembang dan berubah mengikut arus perkembangan tamadun. Meskipun kini agama Islam menjadi tunggak kepercayaan masyarakat Melayu, masih terdapat cebisan-cebisan kepercayaan lain yang berada dalam pemikiran masyarakat Melayu. Dalam sesetengah aspek, masyarakat Melayu masih mempercayai akan wujudnya satu bentuk kekuatan ghaib yang tidak mempunyai peribadi tetapi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia (Mohd Pozi Hj Masurori 2004). Oleh kerana sifat semulajadi manusia yang ingin tahu tentang alam sekeliling dan percubaan untuk menjelaskan fenomena-fenomena yang berlaku menyebabkan timbulnya andaian yang berunsurkan supernatural dalam kehidupan seharian. Apabila manusia tidak dapat menjelaskan kenapa terjadinya hujan, panas, ribut, gempa bumi dan seumpamanya, mereka mula berfikir bahawa wujudnya satu unsur kuasa luar biasa yang menguasai alam sekeliling (Mohd Pozi Hj Masurori 2004).

Supernatural sering dikaitkan dengan tingkahlaku kejadian luar biasa ataupun sesuatu yang memiliki kuasa luar biasa (Maurice N.Richter 1987; Joseph Julian 1966). Ia merupakan satu kuasa atau entiti yang tidak boleh dilangkaui oleh keupayaan manusia biasa. Dalam masyarakat Melayu, kepercayaan tentang wujudnya kuasa supernatural ini merupakan sebahagian daripada kepercayaan animisme yang menjadi pegangan masyarakat Melayu satu ketika dahulu (Mohd Koharuddin Mohd Balwi 2005). Ia sering dikaitkan dengan adanya roh orang mati, semangat, makhluk alam ghaib yang dipercayai mempunyai kuasa yang luar biasa, membatasi keupayaan manusia. Kemudian kedatangan pengaruh Hindu-Buddha dalam perkembangan budaya masyarakat Melayu turut membawa elemen-elemen supernatural ini dalam kehidupan seharian. Pengaruh Hindu-Buddha telah menjadikan institusi raja dan golongan pembesar dikaitkan dengan unsur-unsur supernatural. Sosiopolitik masyarakat Melayu ketika era pengaruh Hindu-Buddha menyaksikan Raja dalam masyarakat Melayu diletakkan di kedudukan yang teratas. Konsep *Devaraja* yang menganggap pemerintah sebagai tuhan di dunia menyebabkan raja diletakkan di kedudukan paling atas dalam stratifikasi masyarakat Melayu tradisional. Mereka dianggap pemerintah suci yang mempunyai sifat suci diraja (Ishak Saat 2006; S. Singaravelu 1993) dan turut mempunyai kuasa-kuasa supernatural kerana mereka dianggap jelmaan dewa di muka bumi.

5. UNSUR SUPERNATURAL DALAM CERITA WAYANG KULIT

Persembahan wayang kulit membentangkan cerita-cerita epik Ramayana dan Mahabrata serta bercantum dengan budaya setempat untuk membentuk satu persembahan yang asas (S.Singaravelu 1993). Epik Ramayana telah menjadi sebahagian daripada kesusasteraan Melayu apabila menjadi saduran kepada Hikayat Seri Rama yang turut menjadi nadi kepada cerita-cerita wayang kulit. Cerita

wayang kulit boleh dipecahkan kepada dua kategori iaitu cerita moden dan juga cerita tradisional. Cerita moden berpandukan kepada tema yang dikehendaki oleh penganjur persembahan. Kebiasaannya cerita-cerita moden ini tidak dipengaruhi jalan cerita daripada Hikayat Seri Rama dan membawa genre komedi namun masih mengekalkan status watak-watak dalam wayang kulit. Berbeza pula dengan cerita tradisional yang banyak bersumberkan Hikayat Seri Rama. Cerita-cerita tradisional dalam wayang kulit adalah sesuatu yang dipelajari dan diwarisi oleh Tok Dalang. Tok Dalang begitu mengenali dan faham tentang sejarah setiap watak dan perwatakan dalam plot cerita wayang kulit.

Watak-watak dalam cerita tradisional merupakan ilham daripada Hikayat Seri Rama. Raja Seri Rama, Laksamana, Siti Dewi, Hanuman, Maharaja Rawana, merupakan watak utama dan diinspirasi daripada hikayat tersebut. Mereka dikategorikan sebagai watak kelas atasan yang tinggal di istana. Setiap satu daripada mereka mempunyai ciri-ciri luar biasa dan kesaktian yang hebat. Watak-watak kelas bawahan pula adalah seperti Pak Dogol, Wak Long, Samad dan Said merupakan ilham daripada kebudayaan setempat. Watak mereka lebih berperanan sebagai unsur humor dalam cerita. Namun, watak Pak Dogol dan Wak Long juga mempunyai asal usul yang mempunyai ciri supernatural dan dalam sesetengah cerita, mereka turut mempunyai kuasa sakti seperti watak-watak kelas atasan.

6. WATAK-WATAK UTAMA

Seri Rama, Laksamana, Siti Dewi, dan Hanuman merupakan watak-watak penting dan sentiasa ada dalam cerita wayang kulit. Seri Rama atau Raja Seri Rama akan memegang watak utama dalam setiap cerita yang dipersembahkan. Watak ini merupakan anak kepada Sirat Maharaja yang menguasai seluruh Tanah Jawa dan diberi kuasa untuk menjaga negeri Kuala Dua. Seri Rama mempunyai seorang adik bernama Raja Muda Laksamana, dan dua orang anak iaitu Hanuman dan Raden Lakjuna. Sebagai watak yang utama, Seri Rama digambarkan sebagai seorang raja yang gagah, handal tetapi mempunyai sifat yang garang. Seri Rama mempunyai kehandalan yang luar biasa. Watak Seri Rama itu sendiri dipenuhi dengan kehandalan dan kesaktian yang melangkaui batas keupayaan manusia. Digambarkan bahawa Seri Rama mempunyai kekuatan sehingga boleh bertarung dengan naga, serta roh-roh jahat. Menurut Tok Dalang, patung Seri Rama hanya boleh digunakan untuk watak Seri Rama sahaja. Jika ingin menukar watak sekalipun, patung Seri Rama hanya boleh memegang watak raja kerana dalam Wayang kulit, watak Seri Rama dan patungnya mempunyai nilai yang tinggi.

Raja Seri Rama mempunyai isteri yang bernama Siti Dewi. Mengikut sejarah yang dipercayai oleh Tok Dalang, Siti Dewi atau Puteri Sita Dewi dipercayai anak kepada musuh utama Seri Rama iaitu Botol Maharaja Wana (Maharaja Rawana) dengan Tuan Puteri Mandodari. Tetapi disebabkan sewaktu dalam kandungan ibunya, Maharaja Rawana mendapat nasihat ahli nujum supaya membuang anak dalam kandungan ke dalam laut kerana anak ini akan membawa malang kepadanya. Maka sebaik sahaja Siti Dewi dilahirkan, Maharaja Rawana mengurung Siti Dewi yang masih kecil ke dalam peti dan membuangnya ke dalam laut. Setelah dihanyutkan dalam satu tempoh yang lama, peti tersebut dijumpai oleh Tok Murshi Kala Mata Api yang tinggal di Wat Tujuh Kerdi Beremas. Tok Murshi merupakan orang yang berilmu tinggi (digelar wali oleh Tok Dalang) dan mempunyai kuasa yang

amat hebat. Dia telah membela Siti Dewi sehingga besar dan akhirnya berkahwin dengan Raja Seri Rama.



Gambar 1: Patung Siti Dewi



Gambar 2: Patung Seri Rama

Watak Laksamana merupakan adik kepada Seri Rama. Dari segi ukiran patung, Laksamana tidak banyak bezanya dengan patung Seri Rama. Perbezaan yang ketara adalah pada warna patung tersebut. Seri Rama bewarna hijau kebiruan manakala laksamana bewarna merah coklat (seperti warna kayu). Menurut kepercayaan Tok Dalang, Laksamana bukanlah manusia biasa. Laksamana atau Raja Muda Laksamana diperbuat daripada kayu serai dan ditiupkan semangat dan roh oleh Tok Murshi Kala Mata Api yang tinggal di Wat Tujuh Kerdi Beremas yang mempunyai sakti (dianggap wali) dianggap sebagai anak angkat (anak kedua) Sirat Maharaja. Laksamana dicipta untuk menemani Seri Rama yang ketika itu merupakan anak tunggal kepada Sirat Maharaja. Laksamana juga dikenali sebagai bujang laksamana kerana tidak boleh berkahwin. Laksamana mempunyai kelebihan dari segi kekuatan dan kebijaksanaan berbanding Seri Rama. Ini dilihat dalam cerita-cerita yang dikaji yang menunjukkan Laksamana banyak membantu Seri Rama dalam beberapa pertarungan. Laksamana juga digambarkan sebagai seorang yang tenang dan tidak bertindak mengikut emosi.

Watak Hanuman adalah anak kepada Seri Rama dengan Siti Dewi. Menurut Tok Dalang, Hanuman adalah manusia yang dizahirkan dalam bentuk seekor kera. Sejarah Hanuman yang dilahirkan dalam rupa paras seekor kera adalah akibat daripada sumpahan oleh Maharaja Wana yang marahkan Seri Rama kerana berjaya mendapatkan Siti Dewi. Apabila Seri Rama boleh melepasi beberapa syarat untuk bersama dengan Siti Dewi, Maharaja Wana telah memasang perangkap ditengah-tengah jalan dengan mencipta dua kolam air yang salah satunya jernih tetapi beracun, manakala satu lagi keruh tetapi tidak beracun. Laksamana yang mempunyai kebijaksanaan yang luar biasa dapat mengetahui bahawa kolam yang jernih itu telah diracuni oleh Maharaja Wana telah menghalang Seri Rama dari meminum air kolam yang jernih. Seri Rama dan Siti Dewi yang berdegil tetap meminum air tersebut dan akhirnya terkena sumpahan menjadi kera. Siti Dewi yang mengandungkan Hanuman ketika itu telah melahirkan Hanuman dan kekallah

Hanuman dalam berupa kera. Manakala Seri Rama dan Sita Dewi disembuhkan oleh Laksamana dan kembali ke bentuk asal.

Menurut Tok Dalang lagi, Hanuman tidak tinggal di istana dan banyak bertapa di gunung-gunung untuk meningkatkan ilmu dan kesaktiannya. Hanuman bukan sahaja gagah, tetapi mempunyai kebijaksanaan dalam memperdayakan musuh-musuh ketika bertarung. Watak dan perwatakan Seri Rama, Siti Dewi, Laksamana dan Hanuman adalah sama dalam semua cerita tradisional wayang kulit. Tok Dalang tidak akan sesekali mengubah perwatakan mereka setiap kali mempersembahkan seni wayang kulit ini.



Gambar 3: Patung Laksamana



Gambar 4: Patung Hanuman

7. WATAK-WATAK TAMBAHAN DALAM WAYANG KULIT

Terdapat banyak watak-watak tambahan yang mewarnai seni persembahan wayang kulit. Namun, yang menjadi kelaziman dan harus ada ialah watak Pak Dogol, Wak Long, Raden Lakjuna dan Hanuman Ikan. Setiap watak-watak yang dinyatakan ini mempunyai sejarah yang tersendiri. Pak Dogol adalah salah seorang pengasuh yang turut tinggal di istana. Dalam mana-mana cerita yang dipersembahkan, Tok Dalang akan memasukkan watak Pak Dogol menjadi salah satu watak penting dalam jalan cerita. Menurut fahaman dalam cerita wayang kulit, Pak Dogol adalah jelmaan dewa yang mana dia merupakan satu-satunya pengasuh yang mempunyai kesaktian sebagaimana golongan raja kerana salasilahnya yang berasal dari kayangan. Pak Dogol dikatakan turun ke bumi menjadi pengasuh pada Hanuman dan Raden Lakjuna dan watak ini kerap menjadi penyelamat dalam cerita meskipun dia bukan dalam kalangan kumpulan diraja. Dalam kalangan rakyat, Pak Dogol paling disegani dan paling dihormati. Pada kebiasaannya Pak Dogol turut dipanggil dengan nama 'Pengasuh Tua' menandakan dia merupakan pengasuh paling berpengalaman dan mempunyai kuasa yang melebihi pengasuh-pengasuh yang lain.

Sahabat baik kepada Pak Dogol pula bernama Wak Long. Wak Long adalah salah seorang daripada lima watak pengasuh yang sentiasa menemani anak Seri Rama, Wak Long mempunyai sejarah yang berkait rapat dengan Pak Dogol. Wak

Long adalah roh yang dijelmakan dari dalam diri Pak Dogol bertujuan untuk menemani Pak Dogol yang turun ke bumi. Dikatakan bahawa Pak Dogol telah mandi di sebuah tasik dan air mandian yang digunakan itu telah dijelmakan dalam bentuk seorang manusia. Jelmaan itulah yang menjadi Wak Long dan menemani Pak Dogol dalam setiap pergerakannya.

Satu lagi watak dalam wayang kulit yang dipenuhi dengan unsur supernatural ialah Hanuman Ikan. Hanuman Ikan adalah anak kepada Hanuman dan Puteri Ikan. Hanuman ikan ialah manusia yang mempunyai semangat ikan yang memiliki kuasa sakti yang hebat. Dari segi rupa bentuk patung, jelas menunjukkan ciri-ciri seekor ikan pada wataknya. Hanuman ikan turut tergolong dalam golongan diraja kerana asal usulnya daripada Raja Seri Rama. Dalam cerita yang dipersembahkan, Hanuman Ikan kebiasaannya akan diseru naik ke darat untuk membantu ayahnya sekiranya ayahnya (Hanuman) ditimpa kesusahan. Menurut Tok Dalang, Hanuman Ikan adalah hasil dari perkahwinan Hanuman dengan Puteri Ikan yang tinggal di dalam laut. Disebabkan itu, Hanuman ikan selalu tinggal di dalam laut dan hanya naik ke darat apabila diperlukan sahaja.



Gambar 5: Patung Hanuman Ikan

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan, cerita-cerita wayang kulit mempunyai banyak mitos dan khayalan yang diluar logik akal. Namun ia bukan alasan untuk menolak cerita-cerita ini untuk dijadikan sumber yang boleh memperlihatkan sejarah pemikiran masyarakat Melayu. Kewujudan unsur-unsur diluar pemikiran logik adalah sebatik dalam kesusasteraan Melayu lama. Menurut Noriah Taslim (1993), percampuran mitos dan fakta sejarah adalah penting bagi membentuk alam pemikiran sejarah yang boleh diterima oleh masyarakat Melayu lama. Ini kerana bagi masyarakat Melayu lama, mereka boleh menerima penggabungan antara perkara yang berlawanan seperti nyata dan ghaib, perkara yang boleh disentuh dengan maya dan juga perkara yang logik dan tidak logik (Hussain Othman 2011).

Persembahan wayang kulit merupakan tinggalan seni daripada generasi dahulu yang masih bertahan sehingga ke hari ini. Ia telah berubah sedikit demi sedikit mengikut kesesuaian dan kehendak masyarakat setempat sesuai dengan perkembangan tamadun. Walaupun secara kasarnya, kepercayaan terhadap kuasa

supernatural yang dipengaruhi oleh animisme dan Hindu dilihat telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Melayu, secara tersiratnya ia masih wujud dalam sesetengah elemen seni masyarakat Melayu sehingga ke hari ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj Abdullah, 2006. *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*.
- Ezhar Tamam, 2001. *Komunikasi Silang Budaya*. Universiti Putra Malaysia: Selangor.
- Haron Daud, 1996. Pensejarahan Masyarakat Melayu Dalam Aspek Kepercayaan dan Pemikiran. Dalam Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee, *Alam Pensejarahan Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustakalshak Saat. *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Karisma Publications : Selangor. 2006.
- Hussein Othman, *Konsep Pensejarahan Melayu, Perspektif Kosmologi*. Penerbit UTHM: Johor. 2011.
- Ishak Saat. *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Shah Alam : Karisma Publications. 2006.
- Joseph Julian, *Sociology: Understanding Social Behaviour*. Mc Graw Hill: London. 1966.
- J.M Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1970.
- Marohaini Yusoff. *Pengkonsepan Pengutipan Data Kualitatif*. Selangor: Universiti Malaya. 2004.
- Maurice N. Richter, *Exploring Sociology*. Peacock Publishers: New York. 1987.
- Mohd Ghouse Nasuruddin, Kesenian Dan Drama Teater Dalam Perspektif Tamadun Melayu. Dalam Ismail Hussein, A Aziz Deraman Abdul Rahman Al Ahmadi. *Tamadun Melayu (Jld.2)* Dewan Bahasa Dan Pustaka : Kuala Lumpur.1993
- Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005).*Peradaban Melayu*. Penerbit UTM Skudai: Johor.
- Mohd Pozi Hj Masurori, 'Sinkretisme antara Mitos Hindu dan Jawa dalam Hikayat Hang Tuah' dalam *Tamadun Melayu, Jld 7*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. 2004.
- Rohana Yusof, 2001. *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ Penggunaan Kaedah Qualitative Interviewing Dalam Pelaksanaan Kerja Lapangan: Suatu Perbincangan Umum. Dlm. Ramle Abdullah & Baharuddin Zainal, *Kaedah Penyelidikan Pelaksanaan Kerja Lapangan*. Terengganu : Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin. 2004
- Said Halim Said Nong. *Drama Melayu Televisyen Malaysia, Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1988.
- S.Singaravelu, 'Ulasan Ringkas Hubungan Kebudayaan antara India dengan Malaysia pada Zaman Pramoden' dalam *Tamadun Melayu, Jld 1*. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur. 1993.
- Wan Salihin Wong Abdullah & Mohd Shaladdin Muda. 2004.Kekuatan Penyelidikan Kerja Lapangan. Dlm Ramle Abdullah & Baharuddin Zainal, *Kaedah Penyelidikan Pelaksanaan Kerja Lapangan*. Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin.